

Sifat kemanusiaan semakin tandus

Semai sikap belas kasihan, tak nafi hak insan lemah

Rasa kasih dan sayang kepada sesama makhluk sering disalah tafsir. Ia dianggap sebagai bibit yang boleh membawa kepada penderhakaan hukum akibat salah faham terhadap perasaan itu yang hanya dianggap sebagai cinta nafsu dan syahwat.

Ini menyebabkan longgarnya ikatan persaudaraan sesama manusia. Ia menjadi antara punca kurang rasa kebersamaan sebagai makhluk berakal yang harus dihormati antara satu sama lain.

Justeru, ramai manusia teraniaya, dinafikan hak sebagai manusia. Pihak yang seharusnya menunaikan tanggungjawab pula sentiasa menuntut hak, bukan sebaliknya.

Contohnya, pembunuhan wanita dan kanak-kanak (termasuk bayi yang baru lahir) sebagai makhluk yang lemah fizikal, adalah satu kezaliman yang tidak terfikir akal kerana wanita dan kanak-kanak adalah makhluk Allah yang perlu dikasihani bukan saja oleh ibu bapanya tetapi juga orang lain.

Tandus sifat kemanusiaan

Rentetan ini sudah cukup membimbangkan dan menggambarkan betapa segelintir masyarakat semakin ketandusan sifat kemanusiaan dalam sudut hati mereka disebabkan tiada rasa kasih dan sayang sesama insan.

Bagi umat Islam, perbuatan penderaan dan penganiayaan dilarang keras kerana Islam adalah al-Din yang bersifat rahmat iaitu belas kasihan.

Jika kita benar-benar menghayati agama, Insya-Allah tiada kepincangan dalam hubungan kemasyarakatan. Rasulullah SAW sebagai pembawa rahmat juga menunjukkan cara sebaik-baiknya untuk berakhlak dengan tetangga dan ahli masyarakat.

Memang benar, menjadi orang yang membawa kebaikan kepada alam sejagat bukan mudah. Sebab itulah Rasulullah SAW mengajar sahabat perbuatan yang baik untuk dilakukan kepada orang lain supaya Baginda tidak berseorangan dalam urusan ini.



Wanita harus **mendapat perlindungan** daripada segala bentuk penganiayaan.

[GAMBAR HIASAN]

Rasulullah SAW bersabda: "Kamu sekali-kali tidak akan dianggap beriman sehingga kamu bersifat rahmat. Ujar sahabat: Kami semua sememangnya bersifat rahmat. Lantas Baginda SAW menjawab: Bukan itu maksudku, rahmatmu kepada kawan kamu, sebaliknya maksudku ialah rahmatmu kepada umum (alam sejahtera)." (Riwayat Tabarani)

Maksud rahmat

Dimaksudkan dengan rahmat adalah apa juga perkara yang membawa kebaikan dan Islam agama yang membawa misi keamanan, keadilan, keharmonian, kemesraan dan rahmat kepada seluruh isi alam termasuk binatang.

Oleh itu, bagi menjamin kedamaian dan rahmat terlaksana, Islam memerintahkan umatnya menghiaskan diri dengan sifat kasih dan sayang yang turut menjadi bukti ke arah kesempurnaan iman seseorang kepada Allah.

Sebagai umat Islam, kita perlu berbuat baik terhadap mereka yang paling hampir dengan kita sehinggakan apa-

bila ingin memberi juadah kepada tetangga, Rasulullah SAW mengajar supaya diberi kepada jiran pintunya paling hampir dengan rumah kita, bukan yang paling rapat.

Sifat kasih dan sayang membuatkan kita mudah tersentuh apabila melihat kesusahan menimpa orang lain, begitu juga sebaliknya. Jika perasaan seumpama itu tidak wujud dalam diri manusia, maka ia menurunkan taraf manusia lebih teruk daripada binatang.

Miliki perasaan belas kasihan

Seperti sanggup membunuh anak sendiri sedangkan binatang masih lagi memiliki perasaan belas kasihan terhadap anaknya.

Rasulullah SAW bersabda: "Allah menjadikan rahmat 100 bahagian, satu bahagian daripadanya sudah diturunkan ke bumi. Daripada bahagian satu inilah, sekalian makhluk dapat berbelas kasihan sesama sendiri antara satu sama lain

hinggakan ada seekor binatang yang mengangkat kakinya kerana takut terpijak anaknya sendiri." (Riwayat Bukhari)

Hari ini, wanita dan kanak-kanak

dizalimi kerana mereka tidak disayangi sebagai manusia yang sepatutnya dilindungi. Ia bukan bermakna mereka makhluk istimewa yang sentiasa perlu ditatangi bagai minyak penuh.

Tetapi cukuplah jika mereka tidak menjadi mangsa kebuasan nafsu atau tempat melampiaskan rasa marah. Adalah tidak adil untuk menuding punca perbuatan zina dan maksiat yang lainnya kepada wanita sebagai penyebab nafsu syahwat yang tidak boleh dibendung.

Lelaki patut lindungi wanita

Lelaki sebagai golongan yang sepatutnya melindungi tidak dipergunakan untuk menyelamatkan wanita daripada sebarang kezaliman. Sebaliknya, keperkasaan itu dijadikan alat untuk menganiaya mental dan fizikal sesama manusia berlainan jantina.

Akibatnya, wanita menanggung nasib sebagai golongan yang lemah akal, fizikal dan terpaksa pula menanggung akibat daripada kelemahan diri sendiri dan orang lain yang tidak bertanggungjawab.

Pembunuhan bayi yang dilahirkan sendiri bermula akibat wanita tidak dikasihi sebagai makhluk Allah SWT yang wajib dikasihi dan dilindungi, sebaliknya diperlakukan sehingga melahirkan anak yang tidak syar'i, seterusnya anak itu pula yang dizalimi.



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia